

# Pengarah UMS-KAL buat kunjungan hormat terhadap Senator

NST 16.09.2012 6

LABUAN: Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus telah menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali di pejabatnya di Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut mengiringi Dr Ismail ialah Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil dan Penolong Jurutera Kanan, Md Azrie Ag Tanjong.

Hadir sama Pengarah Bahagian Perbandaran, Perbadanan Labuan, Norsiah Udin.

Dr Ismail berkata pengurusan UMS

yang diterajui Naib Canselor, Prof Dr Mohd Harun Abdullah sentiasa menyokong kepimpinan pemimpin tempatan termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan untuk membantu meningkatkan prestasi akademik di universiti itu.

“ Kehadiran kira-kira 2,000 pelajar UMS-KAL termasuk 800 pelajar baru sesi akademik 2012/2013 turut membantu menjana ekonomi tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Sementara itu, Yunus yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan mengucapkan tahniah dan berbangga atas pelantikan Prof Madya Dr Ismail yang juga anak tempatan sebagai Pengarah UMS-KAL keempat.

Katanya, kepimpinan Barisan Na-

sional (BN) dan Umno Bahagian Labuan akan sentiasa memastikan lebih ramai anak tempatan menjawat jawatan tinggi terutama di sektor awam termasuk di UMS Labuan.

Beliau berkata kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan terus membela nasib rakyat tempatan tetapi mereka sendiri perlu bekerja keras termasuk meningkatkan prestasi akademik masing-masing.

“ Kita mahu lebih ramai anak tempatan menjawat jawatan tinggi di sektor awam dan swasta termasuk industri minyak dan gas yang semakin berkembang di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya. - OLEH JAINUDIN DJIMIN - [jainudin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabahtimes.com.my)



KENANGAN ... Yunus (dua kanan) menerima cendera mata daripada Prof Madya Dr Ismail diperhatikan Zamri (empat kiri) dan Norsiah (kanan) di Pejabat Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, kelmarin.